# 12 pasukan sertai Kejohanan Liga Bola Sepak UMS

DE 9.11.2017 9



KOTA KINABALU: Sebanyak 12 pasukan mengambil bahagian dalam Kejohanan Liga Bola Sepak Staf Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang dilancarkan Pendaftar UMS No'man Datuk Haji Ahmad (**gambar**) secara rasmi pada Rabu.

Majlis tersebut diraikan dengan kehadiran pemain pemain antarabangsa Matlan Marjan yang juga merupakan tetamu untuk pasukan pentadbiran yang menewaskan pasukan Tenaga Akademik yang seorang bekas pemain kebangsaan Suharmin Yusof 1-0, dengan gol kemenangan dijaringkan No'man sendiri.

Dalam ucapannya, No'man menyuarakan kepentingan sukan dalam kalangan staf kerana ia akan membina hubungan persahabatan dan semangat berpasukan dalam sesuatu organisasi.

Beliau juga menegaskan bahawa kerja dan senaman haruslah digalakkan bagi mewujudkan kumpulan bekerja yang sihat dan ceria.

Sementara itu, dalam perlawanan pembukaan Piala FA, Pasukan Hepa menewaskan Pasukan DeArts 2-1.– **GL Oh**